

Malaysia jana lebih RM33.9b potensi pulangan pelaburan

BH-5/12/2021 w/s: 2

43 MoU,
602 petunjuk
perniagaan
diperoleh tempoh
8 minggu
penyertaan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia berjaya menjana lebih RM33.9 bilion potensi pulangan perdagangan dan pelaburan dalam tempoh lapan minggu pertama penyertaan di Expo 2020 Dubai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia dicapai menerusi 43 memorandum persefahaman (MoU), memorandum kerjasama dan surat niat serta 602 petunjuk perniagaan.

Beliau berkata, pencapaian itu disumbang menerusi usaha sama rentas kementerian membabitkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Alam Sekitar dan

Air (KASA) serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama agensi di bawah kementerian berkenaan selain syarikat swasta.

“Bagi memastikan pencapaian dan sinergi lebih padu, penyertaan rentas kementerian ini diselaraskan menerusi sub-tema Pavilion Malaysia, iaitu pengkomersialan teknologi tempatan, membangunkan ekosistem *startup* yang mampan, inovasi teknologi hijau, daya tahan iklim dan infrastruktur lestari, bandar pintar dan rendah karbon, kewangan mampan serta industri halal dan pembuatan mampan.

“Malaysia juga berjaya melepasi sasaran asal iaitu RM10 bilion bagi potensi pulangan perdagangan dan pelaburan pada penyertaan Expo 2020 Dubai,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Ismail Sabri berkata, kejayaan perjanjian perdagangan dan pelaburan dimeterai, membuktikan syarikat dan teknologi Malaysia diiktiraf pada peringkat antarabangsa dan berjaya menarik pelaburan serta minat pelbagai rakan strategik.

“Momentum itu dijangka berterusan untuk 18 minggu akan

datang dengan usaha gigih pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri.

“Tahniah kepada MOSTI kerana menerajui penyertaan Malaysia pada Expo 2020 Dubai bersama Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) sebagai agensi pelaksana.

“Dengan perkembangan positif ini, kerajaan yakin penyertaan Malaysia pada Expo 2020 Dubai akan menghasilkan impak yang lebih luas lagi,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Pavilion Malaysia pada Expo 2020 Dubai yang direka bentuk dengan konsep kanopi hutan hujan tropika bertemakan ‘Mema-cu Kelestarian’ merekodkan kunjungan lebih 330,000 pelawat sehingga 3 Disember lalu.

“Lawatan peringkat tertinggi ke Pavilion Malaysia, termasuk tetamu kehormat dari Amerika Syarikat (AS), Emiriah Arab Bersatu (UAE), India, Kemboja, Kuwait, Republik Guinea, Russia, United Kingdom (UK) serta Dewan Perniagaan Sharjah,” katanya.

Penganjuran Expo Dubai 2020 bermula 1 Oktober lalu hingga 31 Mac 2022.